

PM beri bayangan Tengku Zafrul akan terus bantu kerajaan

Jemaah Menteri rakam ucapan penghargaan atas khidmat bakti

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, akan terus membantu kerajaan, walaupun tidak lagi menjawat ja-

watan sebagai menteri.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata Perdana Menteri menyatakan sedemikian pada mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengeruskannya, semalam.

“Hari ini (semalam), Jemaah Menteri merakamkan ucapan terima kasih kepada Tengku Zafrul kerana hari ini (semalam) adalah mesyuarat Jemaah Menteri terakhir yang disertainya dan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih atas khidmat bakti beliau, termasuk kejayaannya dari segi pelaburan, perundingan dan perdagangan untuk negara.

“Perdana Menteri berkata ba-

hawa sudah pasti Tengku Zafrul yang akan tamat tempoh sebagai senator bagi penggal kedua pada awal minggu depan masih akan membantu beliau dan kerajaan, mungkin dalam bentuk ataupun kedudukan atau jawatan yang berbeza pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri di sini, semalam.

Akhiri tugas 2 Disember

Fahmi bagaimanapun berkata, Perdana Menteri tidak menyatakan bentuk jawatan yang akan dipegang Tengku Zafrul.

“Jadi kita tunggu apabila tiba

masanya,” katanya.

Tengku Zafrul akan mengakhiri tugasnya sebagai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri berkuat kuasa 2 Disember 2025.

Sebelum menyertai Kabinet, beliau berkhidmat lebih 22 tahun dalam industri perbankan dan perkhidmatan kewangan, termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif CIMB Group Holdings Bhd, serta Presiden Pesuruhjaya PT Bank CIMB Niaga di Indonesia.

Tengku Zafrul dilantik ke jawatan menteri dalam kapasiti sebagai seorang senator.

Beliau memulakan penggal ke-

dua sebagai anggota Dewan Negara pada Disember 2022, jumlah maksimum penggal yang dibenarkan.

